

# SEJARAH PENGGUNAAN MATA WANG *DĪNĀR*\*

Anwar Zainal Abidin  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## Abstract

The focus of this paper is on the history and development of the usage of gold and silver coins as a form of currency. The historical background starts before the Islamic era as it was used by the Greek and Romans, then followed by the Muslims. The development of the Islamic currency production gives emphasis on the differences made on the existing currency until the Islamic currency came up with its own identity. The aspects related to the currency and religion, the economic factors and the rulers who influenced the success of the currency are also studied and discussed.

## Abstrak

Kertas ini mengupas sejarah dan perkembangan penggunaan syiling emas dan perak sebagai mata wang. Latarbelakang sejarah pengenalannya dimulakan dengan zaman sebelum Islam oleh orang-orang Greek dan Roman, diikuti zaman Islami. Perkembangan pengeluaran mata wang Islami ditekankan terhadap perubahan-perubahan yang dibuat sehinggalah pengeluaran mata wang Islami dengan identiti tersendiri. Aspek-aspek berkaitan hubungan mata wang dengan agama, faktor kedudukan ekonomi dan pemerintah negara yang mempengaruhi kejayaan mata wang turut dikaji dan dibincangkan.

## PENDAHULUAN

*Dīnār* dalam peradaban Islami, merupakan salah satu unit mata wang syiling yang ditempa oleh orang Islam dan diguna pakai sejak zaman permulaan Islam. Unit-unit mata wang syiling lain yang diguna pakai ialah *dirham* dan *fals* (k.j. *fulūs*). *Dīnār* diperbuat daripada emas, *dirham* daripada perak dan *fals* daripada tembaga. Ketiga-tiga perkataan ini bukan berasal daripada bahasa Arab. *Dīnār* berasal daripada *denarius* dalam bahasa-bahasa Greek

dan Latin, dan mungkin juga dalam bahasa Parsi, yang diambil daripada bahasa Aramaic,<sup>1</sup> dan memberi erti unit mata wang perak atau emas yang diguna oleh orang Roman (*Webster's*, 1981). Daripada bahasa Greek atau Parsi, perkataan ini memasuki bahasa Arab lama sebelum Islam. *Dirham* diambil daripada nama unit matawang perak yang diguna oleh orang Saṣān di Persia, *drahms*, yang berasal daripada *drachma*, unit mata wang perak yang diguna oleh orang Greek purba. *Fals* pula berasal daripada bahasa Latin *follis*, yang memberi erti mata wang kecil (Allan and Stern, 1985). Orang Arab sebelum Islam telah biasa dengan unit-unit mata wang ini dan perkataan-perkataan *dīnār* dan *dirham* turut diabadikan dalam al-Qur'an, Al-'Imrān (3): 75 (bagi *dīnār*) dan Yūsus (12): 20 (bagi *dirham*, k.j. *darāhim*).

Kertas ini merupakan satu percubaan awal untuk menelusuri sejarah penggunaan mata wang syiling, terutama mata wang *dīnār*, dalam peradaban Islami. Perkara-perkara yang disentuh meliputi permulaan penggunaan mata wang syiling pada zaman Nabi (s. 'a.w) dan zaman al-Khulafā' al-Rāshidūn, perkembangan mata wang dan penggunaannya pada zaman pemerintahan-pemerintahan Umawi dan 'Abbāsi serta pemerintahan-pemerintahan lain sehingga zaman pemerintahan 'Uthmāni. Dalam sorotan ini, percubaan juga dibuat untuk melihat ukiran-ukiran dan ungkapan-ungkapan yang ditera pada mata wang-mata wang berkenaan serta perkembangannya, begitu juga dengan mutu ketulinan logam-logam yang diguna dalam menempa mata wang-mata wang syiling tersebut.

## MATA WANG SYILING SEBELUM ISLAM

Mata wang syiling telah mula digunakan lama sebelum Islam. Penggunaan syiling emas dan perak dipercayai telah bermula pada abad keenam S.M. Croesus, Raja Lydia (560-546 S.M.), sebuah negara-kota di barat Anatolia, dikatakan orang yang pertama menempa mata wang syiling daripada kedua-dua logam tersebut. Sejak itu, syiling emas dan perak telah ditempa di banyak bahagian dunia yang dikuasai oleh orang Greek, kerana kepentingan perdagangan dan mungkin juga kerana kemegahan. Pelbagai motif ditera pada mata wang syiling yang ditempa. Teraan gambar binatang

---

\* Artikel ini telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan "Dīnār: Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah," 16 Mac 2002, K. Lumpur (Kolej Univ. Islam Malaysia).

<sup>1</sup> Bahasa orang Aramaen yang mendiami kawasan utara Mesopotamia dan Syria kira-kira pada abad ke-10 S.M dan kemudiannya digunapakai secara meluas sebagai bahasa perdagangan dan pentadbiran di seluruh Asia Barat sehingga diganti dengan bahasa Syriac (Siryāni) pada abad pertama Masihi (M) (*Webster's*. 1981).

seperti singa, kura-kura dan penyu, burung hantu dan helang, atau kepala dewa-dewa yang menjadi sembahkan mereka, menghiasi syiling (Bacharach, 2001, hlm. 3; Breen, 1985).

Keadaan demikian berterusan sehingga kemunculan Alexander the Great abad ke-4 S.M. Dari Macedon hingga ke Babylon, syiling-syiling emas dan perak ditempa dengan motif ukiran dan berat yang serupa, dihiasi keseluruhannya dengan gambar-gambar dewa seperti Apollo dan Zeus atau Heracles dan Athena. Selepas kematiannya, gambar Alexander pula menjadi hiasan. Syiling-syiling zaman ini jarang benar dihiasai dengan gambar-gambar pemerintah yang masih hidup dan berkuasa. Akan tetapi, pada awal abad ke-3 S.M, syiling emas tidak banyak lagi ditempa. Perak merupakan logam utama mata wang syiling di wilayah-wilayah yang dikuasai oleh pengganti-pengganti Alexander dengan piawaiian berat yang serupa seperti yang ditetapkan oleh penakluk dunia itu, kecuali di Mesir yang berpegang kepada piawaiian sendiri dan masih menempa syiling emas (Breen, 1985).

Kekuasaan Roman ke atas wilayah-wilayah kekuasaan Greek kira-kira akhir abad ke-3 S.M., terutama di Timur Tengah, telah merubah keadaan sekali lagi. Kali ini hampir keseluruhan mata wang syiling, yang ditempa di daerah-daerah yang dulu dikuasai oleh orang Greek, kini diperbuat daripada gangsa, dan syiling perak hanya ditempa dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja, seperti di Mesir dan Syria. Semuanya boleh dikatakan dihiasi dengan teraan kepala maharaja-maharaja Roman atau wira-wira tempatan. Beberapa wilayah di Anatolia dan Afrika yang tunduk kepada Roman juga dibenarkan menempa syiling emas buat seketika sebelum diserapkan ke dalam Empayar Roman. Di Judaea, orang Yahudi dibenarkan menempa mata wang syiling mereka sendiri yang diperbuat daripada tembaga dengan hiasan lambang-lambang agama Yahudi seperti mangkuk arak, buah-buahan dan pokok tamar. Kemudian, pada abad terakhir S.M., gambar wajah pemerintah Yahudi sendiri juga ditera, di samping gambar tempat letak lilin bercabang tujuh atau *menorah* (Breen, 1985).

Namun, pada abad ke-2 S.M., orang Roman telah memperkenalkan mata wang syiling *denarius* yang ditempa daripada perak dan menjadi mata wang utama di tengah dan barat Laut Tengah. Pada masa yang sama, di sebelah timur, mereka telah membenarkan penggunaan syiling emas tempatan seperti yang ditempa di Macedon atau syiling perak yang dikeluarkan di Athen dan di Anatolia. Kira-kira pada tahun 80 S.M., mereka menghentikan pengeluaran syiling gangsa buat sementara. Mereka sendiri sangat jarang menempa syiling daripada emas. Hanya pada tahun 46 S.M.,

syiling *denarius* daripada emas mula ditempa di Rome semasa pemerintahan Caesar. Sejak itu, mata wang Roman boleh dikatakan terdiri daripada syiling-syiling *denarius* emas, perak dan gangsa, yang dihiasi dengan teraan kepala para maharaja, di samping motif-motif lain (Breen,1985).

Perpecahan Empayar Roman kepada Empayar Roman Barat yang berpusat di Rome dan Empayar Roman Timur, dikenali sebagai Empayar Byzantium,<sup>2</sup> yang berpusat di Constantinople pada tahun 395 M, diikuti dengan kehancuran Empayar Roman Barat pada tahun 476 M, membawa banyak perubahan dalam mata wang. Dengan kestabilan politik dan kekuatan ekonominya, syiling emas yang ditempa oleh Empayar Byzantium menjadi satu-satunya mata wang yang paling utama di Eropah selama kira-kira seribu tahun. Mata wang ini berasaskan *denarius* orang Roman atau secara khususnya mata wang emas yang diperkenalkan oleh Constantine dan diberi nama *solidus*. Seperti mata wang Roman, syiling Byzantium juga dihiasi dengan teraan gambar maharaja memakai mahkota atau baju besi dan bertopi besi. Namun terdapat perbezaan besar pada hiasan-hiasan tersebut. Maharaja dalam syiling Byzantium digambarkan memegang salib atau topi besinya dihiasi dengan salib. Kadang-kadang, salib pada pentas bertingkat menghiasi bahagian belakang syiling. Gambar apa yang mereka anggap sebagai Nabi 'Isā juga ditera pada mata wang, terutama selepas abad ke-9 M. Ini semua mengganti dewa-dewa yang menghiasi mata wang Roman. Sebenarnya, sejak zaman Constantine lagi, yang merupakan Maharaja Roman yang mula-mula menganut agama Kristian, lambang-lambang bukan Kristian telah mula dihapuskan (Breen 1985).

Di Iraq dan Iran serta daerah kekuasaan Parsi sebelum Islam, penggunaan mata wang syiling dipercayai bermula selepas diperkenalkan di Lydia pada abad ke-6 S.M. Pada mulanya, orang Parsi menempa syiling emas yang dikenali dengan nama *daric* dan syiling perak yang dipanggil *siglos*. Kedua-duanya mempunyai hiasan yang serupa di bahagian depan, iaitu gambar maharaja duduk melutut memegang busur panah di tangan kanan dan lembing di tangan kiri. Bahagian belakangnya tidak mempunyai

---

<sup>2</sup> Byzantium pada asalnya merupakan sebuah penempatan purba orang Greek di tebing Eropah selat Bosporus. Pada tahun 330M, Maharaja Roman, Constantine, membina semula penempatan tersebut dan menamakannya Constantinople atau "Rome baru" yang dijadikannya ibu kota bahagian timur Empayar Roman. Apabila empayar ini dibahagi dua pada tahun 395M, Constantinople telah menjadi ibu negara bagi Empayar Roman Timur atau dikenali juga sebagai Empayar Byzantium (*Byzantine Empayer*) (Teall, 1985).

apa-apa hiasan. Selepas Alexander the Great, pengaruh Greek ternyata jelas dalam mata wang yang dikeluarkan di daerah-daerah kekuasaan Parsi. Sungguh pun begitu, apabila orang Parthians berkuasa pada pertengahan abad ke-3 M., mereka banyak menempa syiling perak yang dipanggil *drachm*, dan tembaga dengan gambar maharaja yang memerintah di bahagian depan dan gambar Arcases, pengasas dinasti yang memegang busur di bahagian belakang. Pada zaman Sāsān, sungguhpun ada juga syiling emas yang ditempa, pada umumnya syiling peraklah yang menjadi mata wang utama di daerah kekuasaan empayar Parsi ini. Syiling tembaga juga dibuat tetapi dalam jumlah yang sangat kecil. Berdasarkan amalan sebelumnya, syiling perak atau *drachm* Sāsān juga dihiasi dengan teraan gambar maharaja yang memerintah di bahagian depan, tetapi bahagian belakangnya dihiasi dengan teraan tempat penyembahan agama Majusi atau tempat penyembahan api yang dikawal oleh dua orang pendita (Allan dan Stern, 1985).

Syiling emas Byzantium atau *solidus* memainkan peranan penting dalam kehidupan ekonomi wilayah-wilayah takluk Empayar Byzantium di sebelah timur dan barat Laut Tengah. Begitu juga, syiling perak Sāsān atau *drachm* merupakan mata wang utama bagi wilayah-wilayah yang dikuasai oleh Empayar Sāsān di sebahagian besar Asia Barat. Mata wang-mata wang inilah yang diguna pakai di Mesir dan Syria serta Afrika Utara dan di Iraq, Iran serta kawasan sekitarnya ketika Islam muncul dan menguasai wilayah-wilayah berkenaan pada abad ke-7 M.

## PERMULAAN MATA WANG ISLAMI

Semenanjung Arab ketika kedatangan Islam tidak mempunyai mata wang sendiri. Kerajaan-kerajaan Arab purba seperti kerajaan Saba' dan kerajaan Himyar di Yaman, atau kerajaan Nabṭi di Petra dan kerajaan Tadmur di Palmyra, yang dipercayai mempunyai mata wang sendiri, telah lama lenyap. Pada abad-abad ke-6 dan ke-7 M., orang Arab terutama yang tinggal menetap seperti di Makkah dan Madinah, memenuhi keperluan mereka terhadap mata wang dengan menggunakan mata wang syiling yang dikeluarkan dan diguna di wilayah-wilayah Empayar Byzantium atau Empayar Sāsān yang berjiran dengan mereka, atau peninggalan mata wang kerajaan silam (al-Balādhuri, 1987, 654; Kazmi, 1999; Darley-Doran, 1999).

Setelah pemerintahan Islam tegak di Madinah, mata wang emas Byzantium yang dipanggil *solidus* dan mata wang perak Sāsān yang dipanggil *drachm* terus diguna pakai. Orang Arab sebelum Islam lagi

mengenali syiling emas Byzantium sebagai *dīnār* (daripada *denarius* Roman) dan syiling perak Sāsān sebagai *dirham*. Panggilan-panggilan ini dikekalkan selepas Islam. Orang Islam juga terus mengguna syiling gangsa tempaan Bayzantium. Nabi (s. 'a.w) tidak pernah dilaporkan cuba menempa mata wang baru bagi kegunaan negara Islam yang baru, malah sebaliknya Baginda memperakukan penggunaan mata wang-mata wang yang sedia ada tanpa sebarang perubahan. Keadaan demikian berterusan pada zaman Khalifah Abū Bakar dan sebahagian daripada zaman Khalifah 'Umar b. al-Hurufṭāb (al-Maqrīzī, 1998, 159; al-Balādhurī, 1987, 652-653<sup>3</sup>). Akan tetapi, pada tahun 18 H (ijri), 'Umar dilaporkan telah menempa syiling *dirham* mengikut acuan Sāsān, mengekalkan gambar maharaja Sāsān di bahagian hadapan dan tempat penyembahan api di bahagian belakang, dengan sedikit perubahan iaitu memasukkan ungkapan الحمد لله atau محمد رسول الله atau لا إله إلا الله وحده pada mata wang yang baru ditempa itu. Khalifah 'Uthmān b. 'Affān pula diriwayatkan menerapkan ungkapan الله أكبر pada syiling *dirham* acuan Sāsān yang ditempa pada zamannya (al-Maqrīzī, 1998, 160).<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Al-Balādhurī (1987, 653) melaporkan bahawa penggunaan mata wang sedia ada berterusan sepanjang pemerintahan Khalifah 'Umar b. al-Khattāb dan juga pemerintahan Khalifah-Khalifah 'Uthmān b. Affān, Ali b. Abī Ṭalīb dan Mu'āwiyah b. Abī Sufyān. Perubahan hanya berlaku semasa pemerintahan Khalifah Abd al-Malik b. Marwān yang menempa syiling baru. Kenyataan al-Balādhurī ini tidaklah bertentangan dengan riwayat al-Maqrīzī, kerana apa yang dibuat oleh 'Umar, 'Uthmān atau Mu'āwiyah ialah sekadar menambah beberapa ungkapan pada mata wang yang sedia ada, bukan menempa satu mata wang baru seperti yang dilakukan oleh Abd al-Malik b. Marwān.

<sup>4</sup> Sebahagian besar ahli numismatik meragui riwayat al-Maqrīzī mengenai tambahan yang dikatakan dibuat oleh 'Umar atau 'Uthmān ke atas *dirham* kerana kebanyakan riwayat tersebut, menurut mereka, tidak mempunyai sumber yang jelas. Mereka nampaknya lebih mempercayai riwayat al-Balādhurī dalam hal ini. Tambahan pula tidak ada bukti numismatik yang menyokongnya (Grierson, 1960, 241, 243; Kazmi, 1999; Bacharach, 2001, 5). Akan tetapi, Mitchiner (1977, 57, gamb. 22-23), telah menyiarkan gambar *drachm* yang dihiasi di bahagian hadapannya dengan teraan gambar kepala Yazdegird III, Maharaja Sāsān yang terakhir, pada bahagian belakangnya dengan tempat menyembah api dan pada birai bahagian belakang *drachm* ini terdapat ungkapan بسم الله, selain nama tempat syiling itu ditempa dan tahun pemerintahan

Tindakan-tindakan ini bolehlah dianggap sebagai percubaan awal untuk menempa mata wang Islami dengan jati diri yang tersendiri. Usaha-usaha ini diteruskan oleh Khalifah Mu'āwiyah b. Abī Sufyān, pengasas Dinasti Umawī yang berpusat di Dimashq (Damshiq), Syria. Beliau dilaporkan telah menempa syiling emas, *dīnār*, dengan hiasan teraan gambar orang (khalifah?) menyandang pedang (al-Maqrīzī, 1998, 160).<sup>5</sup> 'Abd Allāh b. al-Zubayr, yang diakui sebagai khalifah buat seketika di Makkah dan Madinah (al-Hijāz) serta Iraq dan Mesir di antara tahun-tahun 61H dan 73H, turut menempa *dirham* dan menera ungkapan محمد رسول الله pada bahagian hadapan dan امر الله بالوفاء والعدل pada bahagian belakang. Pada tahun 70H, adiknya Muṣ'āb, yang menjadi gabenor Iraq, menempa

---

Yazdegird yang ke 20. Tarikh ini bersamaan dengan tahun 651M atau 31H, ia itu semasa dengan zaman pemerintahan Khalifah 'Uthmān. Mitchiner menyatakan, dan nampaknya diikuti oleh Darley-Doran (1999), bahawa *drachm* atau *dirham* tempaan orang Islam yang pertama dapat dikesan dibuat pada tahun 651M, bersamaan tahun 31H. Selain daripada itu, Mitchiner (1977, 55-56, gamb. 1-14) juga menyiarkan gambar-gambar syiling gangsa Byzantium atau *fals*, dengan teraan gambar Maharaja Byzantium berdiri pada bahagian hadapan dan teraan gambar lain termasuk salib pada bahagian belakang, yang mengandungi jati diri Arab atau Islami dengan ungkapan-ungkapan seperti ضرب دمشق الوفاء بالله. Beliau menganggarkan bahawa syiling-syiling ini ditempa di antara tahun-tahun 14H dan 50H, yang merangkumi zaman-zaman pemerintahan Khalifah-Khalifah 'Umar b. al-Hurufīāb, 'Uthmān, 'Alī dan termasuk Mu'āwiyah. Bukti-bukti numismatik ini sekurang-kurangnya membenarkan pada asasnya kenyataan yang dibuat oleh al-Maqrīzī.

<sup>5</sup> Kebanyakan ahli numismatik (Grierson, 1960, 243; Miles, 1967, 224-227) sekali lagi meragui laporan ini. Akan tetapi, Mitchiner (1977, 55-56, gamb.15) menyiarkan gambar syiling gangsa atau *fals* yang menunjukkan teraan gambar apa yang dikatakannya khalifah berdiri (*standing caliph*) menyandang pedang pada bahagian hadapan dan ungkapan ايليا فلسطين dalam bahasa Arab pada bahagian belakangnya, di samping huruf M bundar yang biasa terdapat pada *fals* Byzantium. Walaupun syiling berkenaan bukan *dīnār* seperti yang diriwayatkan oleh al-Maqrīzī, tetapi tarikh penempaan syiling berkenaan yang dianggarkan oleh Mitchiner di antara tahun 50H hingga 80H memberi kemungkinan bahawa Mu'āwiyah, yang menjadi khalifah dari tahun 41H hingga 60H, terlibat dalam usaha menempa mata wang yang mempunyai jati diri Islami yang tersendiri.

*dirham* mengikut acuan drachm Sāsān dan menerakan padanya perkataan بركة dan الله (al-Balādhurī, 1987, 653,655; al-Maqrīzī, 1998, 160-161).

Kemuncak usaha menempa mata wang dengan jati diri Islami yang tersendiri berlaku pada zaman Khalifah 'Abd al-Malik b. Marwān yang memerintah dari tahun 65H hingga tahun 86H. Beberapa percubaan telah dibuat untuk tujuan tersebut, terutamanya selepas kejayaannya mengalahkan Ibn al-Zubayr pada tahun 73H dan meletakkan dunia Islam sekali lagi di bawah satu pemerintahan oleh Dinasti Umawī. Usaha-usaha kali ini tidak terbatas hanya kepada menambah perkataan atau ungkapan yang bersifat Islami pada syiling yang ditempa dengan mengguna-acuan-acuan Byzantium atau Sāsān seperti sebelum ini, walaupun usaha seperti itu masih diteruskan (Grierson, 1960, 245), tetapi juga meliputi tindakan menghilangkan lambang-lambang tidak Islami dan dalam sesetengah hal menggantinya dengan lambang-lambang lain. Sejak tahun 72H, umpamanya, teraan salib yang terdapat pada mahkota atau topi besi maharaja Byzantium dalam *dīnār* telah dibuang. Begitu juga dengan teraan salib yang lain, sama ada pada bahagian hadapan syiling atau bahagian belakangnya. Pada birai belakangnya pula ditera dalam huruf Kufi kata-kata بسم الله لا إله إلا الله وحده محمد رسول الله yang jelas memberi sifat Islami kepada mata wang tersebut, walaupun masih belum memiliki jati diri yang tersendiri. Kira-kira dalam tempoh yang sama, sebahagian daripada syiling *dirham* telah dihiasi dengan teraan gambar tombak atau lembing dan panji-panji dalam *mihṛāb* atau gambar khalifah diapit oleh dua orang pengawal pada bahagian belakang atau gambar tiga orang sedang bersembahyang bagi mengganti teraan gambar tempat penyembahan api agama Majusi pada syiling Sāsān. Kemudian, kira-kira pada tahun 74H, gambar khalifah berdiri menyandang pedang telah ditera pada bahagian depan *dīnār* dan *dirham* atau *fals* bagi mengganti gambar-gambar maharaja Byzantium dan maharaja Sāsān. Pada syiling-syiling seperti ini, ungkapan-ungkapan dalam huruf Kufi seperti di atas telah ditera pada birai bahagian hadapan syiling dan bahagian belakangnya dihiasi pula dengan kata-kata بسم الله ضرب هذا الدين سنة .... dan diberikan tahun mata wang itu dikeluarkan. Tempaan atau pengeluaran syiling-syiling seperti ini berterusan sehingga tahun 77H (Grierson, 1960, 244-247; Miles, 1967, 207-216; Kazmi, 1999). Dalam beberapa pengeluaran *fals*, umpamanya, kata-kata لعبد الله عبد الملك بن مروان أمير المؤمنين telah ditambah (Darley-Doran, 1999).

Pada masa yang sama, terdapat gabenor-gabenor di wilayah-wilayah Dawlah Umawīyyah yang mengambil inisiatif menempa *fals*, dan dalam sesetengah hal *dirham* dengan memasukkan ungkapan-ungkapan yang bersifat Islami (Mitchiner, 1977, 57-58). Al-Ḥajjāj b. Yūsuf, gabenor Khalifah ‘Abd al-Malik b. Marwān di Iraq, dilaporkan oleh al-Balādhuri (1987, 656) telah menempa *dirham* mengikut acuan Sāsān, dan menera padanya kata-kata *بسم الله الحجاج*. Setahun kemudian, beliau dikatakan telah menambah dalam huruf Kufi kata-kata *الله أحد الله الصمد*.

Pada akhir tahun 77H, kemudiannya, Khalifah ‘Abd al-Malik b. Marwān telah mengeluarkan tempaan baru mata wang *dīnār* yang berbeza sama sekali daripada mata wang-mata wang yang ditempa sebelum ini. Kali ini segala bentuk gambar yang mewakili orang atau lambang bukan Islami dibuang sama sekali, diganti dengan tulisan Arab dalam huruf Kufi yang terdiri daripada kalimah syahadah *لا إله إلا الله وحده لا شريك له* pada bahagian hadapan, dikelilingi dengan kata-kata dalam huruf yang serupa, tetapi lebih halus *بسم الله ضرب هذا الدين ب... سنة...* dengan menentukan tempat dan tarikh tempaan dibuat. Pada bahagian belakangnya pula ditera sebahagian besar daripada ayat-ayat al-Qur’an, surah *al-Ikhlās*, dalam huruf yang serupa *الله أحد الله الصمد لم يلد ولم يولد* dikelilingi pula dengan sebahagian ayat al-Qur’an daripada surah *al-Tawbah*, ayat 33: *محمد رسول الله أرسله بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله*. Ini diikuti dengan pengeluaran tempaan baru *dirham* dan *fals* dengan hiasan tulisan yang serupa (al-Maqrīzī, 1998, 162; Mitchiner, 1977, 59-60; Miles, 1967, 214). Dengan tindakan Khalifah ‘Abd al-Malik ini, bermulalah apa yang dapat dinamakan sebagai mata wang Islami yang sebenarnya dengan jati diri Islami yang jelas dan tidak diragui lagi. Semenjak itu, boleh dikatakan mata wang syiling yang ditempa di dunia Islam oleh pelbagai pemerintahan di pelbagai kawasan sehingga ke zaman moden pada keseluruhannya hanya mengandungi tulisan-tulisan dalam huruf Arab, sama ada berupa ayat-ayat al-Qur’an, ungkapan-ungkapan keagamaan dan gelar-gelar pemerintah.

Perubahan atau pembaharuan terakhir yang dibuat oleh Khalifah ‘Abd al-Malik b. Marwān tidak terbatas pada penampilan luaran mata wang-mata wang tersebut, tetapi juga pada piawaian berat syiling yang ditempa, terutama yang melibatkan *dīnār* dan *dirham*. Berat solidus Byzantium yang menjadi asas kepada *dīnār* Islami pada umumnya bersamaan dengan 4.55 g. *Dīnār* yang ditempa sebelum perubahan yang dibuat oleh Khalifah ‘Abd al-Malik mempunyai berat yang tidak jauh bezanya daripada berat solidus

Byzantium, iaitu di antara 4.50 g dan 4.35 g. Berat *dīnār* baharu yang ditempa oleh Khalifah 'Abd al-Malik ialah bersamaan dengan 4.25 g. Penetapan berat piawai tempaan *dirham* baru agak lebih radikal. Berat drachm Sāsān yang asal bersamaan dengan 4.15 g., manakala *dirham* yang ditempa sebelum pembaharuan tidak banyak bezanya daripada berat tersebut, iaitu bersamaan dengan 3.98 g. Akan tetapi, Khalifah 'Abd al-Malik telah menetapkan supaya berat *dirham* baru yang ditempa ialah bersamaan dengan 2.97 g. (al-Balādhurī, 1987, 651-654; al-Maqrīzī, 1998, 161-163; Grierson, 1960, 247-248; Miles, 1967, 207-214).

Perubahan yang dibuat oleh Khalifah 'Abd al-Malik bukanlah sesuatu yang drastik. Apa yang dilakukan beliau bukanlah menetap piawaian baru, seperti yang disalah fahami oleh sesetengah penulis (Grierson, 1960, 247-248), bagi berat *dīnār* atau *dirham* yang digunapakai oleh orang Arab sejak sebelum Islam dan diteruskan penggunaannya oleh Nabi (s. 'a.w) dan para sahabat selepas Islam. Berat piawai inilah yang digunakan bagi menentukan bayaran-bayaran zakat dan cukai-cukai lain sebelum zaman 'Abd al-Malik lagi. Menurut Ibn Khaldūn (1993, 322), berat piawai ini ketika itu hanya ada dalam perkiraan pemikiran ( في الذهن ), tetapi tidak ada dalam bentuk mata wang. Apa yang baru dan dibuat oleh Khalifah 'Abd al-Malik ialah merealisasikan perkiraan tadi dalam bentuk mata wang ( في الخارج ) dengan menempa syiling-syiling *dīnār* dan *dirham* yang baru menurut berat piawai yang sedia ada itu, dan tidak lagi mengikut berat solidus atau drachm tempaan Empayar-Empayar Byzantium dan Sāsān selama ini.

Penyelarasan piawaian berat inilah merupakan faktor utama yang mendorong Khalifah 'Abd al-Malik b. Marwān melaksanakan perubahan mata wang semasa pemerintahannya. Keadaan sebelum penyelarasan ini agak bercelaru dan kelam kabut (al-Balādhurī, 1987, 651, 654-655; al-Maqrīzī, 1998, 162-163), walaupun penggunaan solidus Byzantium sebagai *dīnār* dan drachm Sāsān sebagai *dirham* telah berjalan begitu lama. Pada peringkat awal hal ini tidak begitu terasa kerana penduduk Makkah dan kawasan sekitarnya berjual beli bukan berdasarkan bilangan syiling, sebaliknya berdasarkan berat emas atau perak syiling berkenaan. Dengan perkataan lain, *dīnār* dan *dirham* yang diguna pakai ketika itu dianggap sebagai emas atau perak yang belum diproses atau sebagai تبر dan perkiraan dibuat berdasarkan timbangan (al-Balādhurī, 1987, 652). Setelah negara Islam berkembang dan perhubungan ekonominya dengan dunia luar makin rancak, cara demikian tidak lagi sesuai. Oleh itu Khalifah 'Abd al-

Malik telah mengambil langkah menyelaraskan berat *dīnār* dan *dirham* dengan berat piawai yang diguna pakai dalam masyarakat (Ibn Khaldūn, 1993, 322).

Faktor kedua yang mendorong Khalifah ‘Abd al-Malik memperkenalkan mata wang baru merupakan faktor luaran. Sikap angkuh pemerintah Byzantium enggan menerima surat khalifah yang mengandungi ayat al-Qur’an daripada surah *al-Ikhlās*, pada permulaannya dan menyebut nama Nabi (s.‘a.w) dalam tarikhnya serta mengancam pula akan mencaci Nabi (s.‘a.w) dalam mata wang Byzantium sekiranya khalifah terus berbuat demikian menyebabkan ‘Abd al-Malik, dengan nasihat Khālid b. Yazīd, mengambil keputusan membuat perubahan-perubahan pada mata wang *dīnār*. Akhirnya tindakan ini membawa kepada pengeluaran mata wang baru dalam bentuk *dīnār*, *dirham* dan juga *fals* yang hanya mengandungi ayat-ayat al-Qur’an dan ungkapan-ungkapan keagamaan dalam bahasa Arab sahaja (al-Maqrīzī, 1998, 161).<sup>6</sup>

## PERKEMBANGAN DALAM PENGGUNAAN MATA WANG ISLAMI

Perubahan-perubahan yang dibuat oleh ‘Abd al-Malik b. Marwān pada umumnya diterima dengan baik dan diteruskan oleh khalifah-khalifah selepasnya. Sungguhpun begitu, terdapat juga riwayat-riwayat mengenai rasa tidak senang beberapa kalangan terhadap perubahan-perubahan tersebut. Di antaranya ialah apabila ayat al-Qur’an daripada surah *al-Ikhlās*: قل هو الله أحد atau الله أحد الله الصمد ditera pada *dirham* baru, segelintir golongan *Qurrā’* atau *fuqahā’* telah membantahnya. Mereka mempersoalkan hukum membawa *dirham* yang mengandungi ayat al-Qur’an sedemikian oleh perempuan yang sedang haid atau orang yang berjunub. Pada zaman Khalifah ‘Umar b. ‘Abd al-‘Azīz, persoalan yang serupa ditimbulkan, tetapi khalifah mempunyai pandangan terbuka dan menolak bantahan tersebut dengan baik. Di Madinah, Mālik b. Anas juga pernah ditanya tentang perubahan dan peneraan ayat-ayat al-Qur’an pada syiling. Beliau menyatakan bahawa para ‘ulama’ semasa tidak membantah tindakan

---

<sup>6</sup> Band. Kazmi (1999), yang memberi sebab yang agak berbeza sedikit daripada di atas dan tokoh yang menasihati khalifah dalam hal ini ialah al-Ḥajjāj atau Muhammad al-Bāqir.

tersebut kecuali Ibn Sirīn yang tidak senang mengguna mata wang baru itu dalam urusan jual belinya. Di Madinah sendiri, kata Malik, tidak ada orang yang berpendapat begitu (al-Balādhurī, 1987, 656; al-Maqrīzī, 1998, 164).<sup>7</sup>

Sepanjang pemerintahan Banū Umayyah, tidak ada khalifah yang cuba meminda bentuk dan membuang atau menambah ayat-ayat al-Qur'an serta ungkapan yang ditera pada mata wang syiling *dīnār* dan *dirham* seperti yang dibuat oleh Khalifah 'Abd al-Malik. Mereka juga, seperti 'Abd al-Malik, tidak menera nama-nama mereka pada *dīnār* dan *dirham* yang ditempa pada zaman mereka. Keadaan demikian berterusan sehinggalah ke zaman pemerintahan Dinasti 'Abbāsī. Apa yang dilakukan oleh sesetengah khalifah atau gabenor mereka ialah mengawal lebih ketat pengeluaran mata wang tersebut dan menjaga mutu logamnya dengan membataskan tempat-tempat tempaan mata wang sehingga syiling-syiling tempaan zaman mereka begitu terkenal dan diterima secara meluas (al-Balādhurī, 1987, 656-657; al-Maqrīzī, 1998, 164-165; Ehrenkretz, 1959, 129; Darley-Doran, 1999).

Pada zaman 'Abbāsī bentuk dan corak syiling mengandungi tulisan tanpa rajah pada umumnya masih diteruskan. Namun begitu, beberapa perubahan dibuat pada kandungan tulisan-tulisan tersebut. Sejak mula pemerintahan mereka lagi, ayat-ayat al-Qur'an daripada surah *al-Ikhlāṣ* pada bahagian belakang syiling diganti dengan kata-kata محمد رسول الله . Perubahan ini dibuat mungkin untuk menekankan perhubungan keluarga mereka yang begitu dekat dengan Nabi (s. 'a.w) berbanding dengan Banū Umayyah, atau surah *al-Ikhlāṣ* tidak relevan lagi sebagai lambang penegasan akidah dalam hubungan dengan orang Kristian Byzantium seperti pada zaman 'Abd al-Malik (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 68).

Perubahan kedua berlaku pada tahun 145H berkaitan dengan nama pemerintah dalam mata wang. Sebelum ini, seperti pada zaman Umawī, tidak ada nama pemerintah atau khalifah ditera pada *dīnār* atau *dirham*.

---

<sup>7</sup> Kenyataan Grierson (1960, 244, n. 1), berdasarkan terjemahan karya al-Maqrīzī dalam bahasa Perancis, bahawa al-Maqrīzī meriwayatkan apabila *dīnār* yang ditera dengan gambar khalifah berdiri menyangand pedang sampai ke Madinah, para sahabat Nabi (s. 'a.w) telah membantahnya, sama sekali tidak berasas. Keseluruhan riwayat al-Maqrīzī dalam hubungan ini berkaitan dengan teraan ayat-ayat al-Qur'an pada mata wang, bukan gambar khalifah.

Akan tetapi, setelah Khalifah Abū Ja‘far al-Mansūr memberi hak mengeluarkan *dirham* di Khurāsān dan Armenia kepada Putera Mahkotanya, al-Mahdī, ungkapan: *مما أمر به الهادي محمد بن أمير المؤمنين* telah ditera pada mata wang di bawah kata-kata *محمد رسول الله*. Kemudian, apabila beliau menjadi khalifah, nama *الهادي* pula telah ditera, diikuti dengan nama putera mahkotanya. Ini menjadi ikutan beberapa orang khalifah sehingga al-Ma‘mūn. Dalam beberapa keadaan, nama gabenor juga ditera pada mata wang seperti *dirham* dan *fals*. Pada awal zaman Khalifah al-Rashīd, nama menterinya, Ja‘far al-Barmakī, juga turut ditera selepas nama putera-putera mahkota atau bersama nama gabenor-gabenor wilayah. Akan tetapi, selepas keluarga al-Barmakī dihapuskan pada tahun 187H, al-Rashīd membuang semua nama, baik khalifah, putera mahkota atau menteri dan gabenor, daripada mata wang (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 69-74; el-Hibri, 1993, 61).

Selepas al-Rashīd keadaan dunia Islam agak bergolak, termasuk yang berkaitan dengan mata wang. Al-Amin telah mengganti al-Rashīd sebagai khalifah, tetapi perkelahian sengit segera tercetus dengan adiknya, al-Ma‘mūn, gabenor Khurāsān. Al-Ma‘mūn telah menempa mata wangnya sendiri tanpa menera nama khalifah (el-Hibri, 1993, 59). Fenomena ini bukanlah sesuatu yang baru. Di Andalus, pemerintah-pemerintah Umawī, yang berkuasa di sana selepas dinasti mereka yang berpusat di Dimashq dijatuhkan telah mengeluarkan *dirham* mereka sendiri mengikut bentuk dan corak syiling Umawī yang biasa tanpa menyebut nama pemerintah. Di al-Maghrib, Dinasti al-Adārisah dan pemerintah-pemerintah tempatan lain turut menempa syiling dan menera nama mereka tanpa sebarang gelaran. Malah, semasa al-Rashīd, keluarga Aghālibah, yang menguasai wilayah Ifriqiyya sebagai gabenor secara warisan, telah menera nama mereka dalam mata wang dan menambah padanya lambang keluarga mereka, *ghīlib*. Gabenor beberapa wilayah lain, seperti Mesir dan Syria, juga memasukkan nama mereka dalam mata wang, di samping nama khalifah (Darley-Doran, 1999).

Kejayaan al-Ma‘mūn menjadi khalifah setelah mengalahkan abangnya, al-Amin, pada tahun 198H menandakan satu perubahan baru dalam mata wang Islami. Al-Ma‘mūn menambah perkataan *الله* pada *dīnār* dan *dirham*, di atas kalimah *محمد رسول الله*. Beliau juga menambah pada birai bahagian hadapan mata wang sebahagian ayat 4 daripada al-Qur’an, surah *al-Rūm*: *الله الأمر من قبل ومن بعد، ويومئذ يفرح المؤمنون*, yang menjadi slogan Dinasti

'Abbāsī. Slogan ini terdapat dalam semua *dīnār* dan sebahagian besar *dirham* yang dikeluarkan selepas al-Ma'mūn sehingga berakhirnya dinasti ini pada 656H (Darley-Doran, 1999; el-Hibri, 1993, 64-65).

Pada mulanya, al-Ma'mūn meneruskan tradisi beberapa orang khalifah 'Abbāsī sebelumnya memasukkan nama-nama khalifah dan putera mahkota dalam mata wang. Malah, dalam beberapa keadaan, nama menteri dan gabenor di wilayah-wilayah juga di masukkan. Pada suatu ketika umpamanya, bahagian belakang *dirham* yang ditempa oleh beliau ditera dengan kata-kata berikut:

الله، محمد رسول الله، المأمون خليفة الله، مما  
امر به الأمير الرضا ولي عهد المسلمين علي بن موسى بن علي بن أبي طالب، ذو الرناستين  
(Darley-Doran, 1999). Akan tetapi, secara beransur-ansur al-Ma'mūn kembali kepada polisi awal zaman Umawī dengan mengeluarkan mata wang tanpa sebarang nama pemerintah. Buat permulaan, nama gabenor wilayah dan putera mahkota, yang menjadi amalan sebelumnya ditera dalam mata wang bersama nama khalifah, dihapuskan, tetapi nama khalifah masih dikekalkan. Kemudian, nama khalifah sendiri dihapuskan dari mata wang-mata wang *dirham* diikuti *dīnār* sehingga kira-kira pada tahun 215H semua syiling yang ditempa di wilayah-wilayah kekuasaan al-Ma'mūn tidak mengandungi sebarang nama kecuali nama Nabi (s.'a.w). Sebelum itu, pada tahun 206H, al-Ma'mūn telah memperkenalkan gaya tulisan Kufi yang baru yang lebih seni dan menarik dalam mata wang *dirham* tempaannya, diikuti dengan *dīnār* setahun kemudian (Darley-Doran, 1999; el-Hibri, 1993, 65-71; Bates, 1996).<sup>8</sup>

Perubahan-perubahan yang dibuat oleh Khalifah al-Ma'mūn pada umumnya diterima pakai dan menjadi piawai bagi mata wang Islami kemudiannya, kecuali dalam hubungan dengan nama pemerintah. Dalam hal ini, sepanjang pemerintahannya selepas perubahan yang dilakukan, mata wang yang ditempa tidak mempunyai sebarang nama, termasuk nama khalifah. Hal ini diteruskan oleh penggantinya, Khalifah al-Mu'tasim, buat seketika. Akan tetapi, tidak lama kemudian, al-Mu'tasim telah meninggalkan amalan tersebut dan kembali memasukkan nama khalifah dalam mata wang setahun selepas menaiki takhta. Bukan itu sahaja, beliau juga mengubah cara menulis perkataan الله sebelum nama Nabi (s.'a.w)

---

<sup>8</sup> Bandingkan pendapat Darley-Doran (1999) dan pendapat el-Hibri (1993, 65-71) mengenai proses menamatkan peneraan nama pemerintah dalam mata wang keluaran al-Ma'mūn.

menjadikannya lebih tegak dan menambahkan kalimah الله pada hujung gelaran khalifah, menjadikan tulisan Kufi pada bahagian belakang mata wang seperti berikut: الله، محمد رسول الله، المعتصم بالله. Tindakan ini menjadi ikutan khalifah-khalifah selepasnya, menghasilkan gelaran-gelaran seperti *al-Wāthiq bi Allāh*, *al-Mutawakkil ‘alā Allāh* atau *al-Nāṣir li dīn Allāh*. Namun begitu, semenjak Khalifah al-Mutawakkil, khalifah-khalifah yang memerintah agak lama telah memasukan nama putera-putera mereka dalam mata wang sama ada sebelum atau sesudah mereka dilantik menjadi putera mahkota (Darley-Doran, 1999; Bates, 1996).

Pada bahagian akhir abad ketiga Hijri, Dawlah ‘Abbāsiyyah menghadapi ancaman perpecahan dengan kemunculan penguasa-penguasa tempatan yang memerintah wilayah kekuasaan mereka dengan bebas, walaupun masih mengakui pada namanya khalifah di Baghdad. Mereka telah mengeluarkan mata wang masing-masing dan menera nama-nama peribadi mereka – bukan gelaran – di bawah nama khalifah atau selepas nama putera mahkota. Yang pertama berbuat demikian ialah pemerintahan Ṣaffāriyyah di Khurāsān antara tahun 259H dan 265H, diikuti oleh pemerintahan Tūlūniyyah di Mesir pada 265H. Selepas itu, tindakan ini boleh dikatakan menjadi ikutan penguasa-penguasa wilayah yang lain, baik sebagai gabenor, penguasa wilayah separuh bebas atau pemberontak yang merampas kuasa (Darley-Doran 1999; Bates, 1996).

Keadaan di Baghdad tidaklah seburuk itu. Dalam tempoh tersebut, tidak ada pembesar selain daripada khalifah dan putera mahkotanya, yang nama mereka ditera pada mata wang, kecuali tiga orang menteri yang sangat berpengaruh, menguasai pentadbiran awam negara dan kepimpinan tentera serta diberi gelaran khas oleh khalifah. Mereka telah diberi keistimewaan oleh khalifah yang membolehkan nama gelaran mereka ditera pada mata wang selepas nama khalifah. Mereka ialah Sa‘id b. Mukhallad, menteri Khalifah al-Mu‘tamid, yang bergelar *Dhū al-Wizāratayn*, pada tahun 270H, Abū al-Husayn al-Qāsim b. ‘Ubayd Allāh, menteri Khalifah al-Muqtafi, yang bergelar *Waliyy al-Dawlah*, pada tahun 291H, dan anaknya al-Husayn b. al-Qāsim, menteri al-Muqtafir, yang diberi gelar *‘Amīd al-Dawlah*, sekitar tahun 320H. Dalam era *Amīr al-umarā’*, walaupun kuasa khalifah begitu terbatas, keadaan yang serupa terdapat di Baghdad dari segi peneraan nama pada mata wang. Para khalifah masih lagi diakui sebagai pemerintah yang berdaulat dalam hal ini. Tidak banyak daripada kalangan *Amīr al-umarā’* yang dapat keistimewaan menera nama mereka dalam mata wang, kecuali mereka yang benar-benar berpengaruh

dan terkemuka serta diberi gelaran khas yang tertinggi (Darley-Doran, 1999; Bates, 1996).

Keadaan yang serupa dipercayai berterusan semasa kekuasaan Banū Buwayh. Di wilayah-wilayah, mereka menera nama-nama gelaran mereka pada mata wang yang mereka tempa di samping nama khalifah. Di Baghdad, tidak semua pembesar Banū Buwayh mendapat tempat dalam mata wang yang dikeluarkan di ibu negara 'Abbāsiyyah. Hanya mereka yang benar-benar berpengaruh di kalangan mereka sahaja yang diberi keistimewaan menera nama gelaran mereka pada mata wang (Darley-Doran, 1999; Bates, 1996; Cahen, 1999). Sungguhpun Banū Buwayh merupakan pengikut aliran Shi'ī, tidak ada bukti yang menunjukkan mereka cuba mengubah tulisan yang terdapat pada mata wang yang dikeluarkan pada zaman mereka atau atas nama mereka.

Pada zaman kekuasaan Banū Saljūq, yang merupakan penyokong aliran Sunnī yang kuat, pengeluaran mata wang tidak banyak berubah. Di wilayah-wilayah yang mereka kuasai di luar Baghdad, masing-masing penguasa daripada keluarga Saljūq bebas menera nama mereka pada mata wang yang mereka tempa. Akan tetapi di Baghdad, keadaan agak berbeza. Peneraan nama atau gelaran penguasa Saljūq di ibu kota pada mata wang bergantung kepada perhubungan mereka dengan khalifah dan kepada kedudukan khalifah sendiri. Sekiranya mereka begitu berkuasa dan dapat meletakkan khalifah di bawah pengaruh mereka, nama dan gelaran mereka ditera sepenuhnya pada mata wang. Pada masa kedudukan mereka lemah berbanding dengan khalifah, umpamanya apabila berlaku perebutan kuasa di antara keluarga mereka, teraan nama dan gelaran mereka dibataskan atau dalam beberapa keadaan, nama dan gelaran mereka tidak diterakan sama sekali dalam mata wang (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 160-161; 173-174).

Setelah kuasa Banū Saljūq di Baghdad berakhir, khalifah-khalifah telah mengeluarkan *dīnār* dan *dirham* dengan menera nama mereka tanpa diiringi dengan nama-nama lain. *Dīnār-dīnār* yang mereka tempa biasanya lebih berat daripada biasa sehingga sampai di antara 6g. hingga 9g. (Mitchiner, 1977, 80). Di wilayah-wilayah, apabila kuasa Banu Saljūq juga mula lemah diganti oleh pelbagai kuasa baru, penguasa-penguasa baru yang kebanyakannya terdiri daripada *Atābik* atau gabenor-gabenor tentera Turki menera nama-nama mereka pada mata wang, di samping nama-nama khalifah (Mitchiner, 1977, 164-168, 176-195).

Di Mesir keadaan agak berbeza. Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī, pengasas dinasti Ayyūbī, telah menempa mata wang *dīnār* dan *dirham* menurut bentuk dan stail Fāṭimī dengan lingkaran-lingkaran bulatan yang berpusat di tengah-tengah mata wang. Sebelumnya beliau telah berjaya mengembalikannya wilayah itu - atas nama *Atābik* Syria dari keluarga Zangī - kepada pangkuan Dawlah 'Abbāsiyyah daripada kekuasaan Dawlah Fāṭimiyyah, pengikut Shī'ah Ismā'īliyyah. Yang membezakan mata wang tempaan Ṣalāh al-Dīn daripada mata wang Fāṭimī hanyalah nama khalifah 'Abbāsi dan nama penguasa Syria dari dinasti Zangī, selain daripada namanya sendiri yang ditera pada mata wang. Kemudian, nama penguasa Syria dibuang setelah Syria juga tunduk kepada kuasa Ayyūbī. Akan tetapi, pengganti-pengganti Ṣalāh al-Dīn telah menghapuskan bulatan Fāṭimī dan kembali kepada stail *dīnār* 'Abbāsi tradisi. Walaupun begitu, pada tahun 624H, pemerintah Ayyūbī, al-Malik al-Kāmil, telah menukar huruf Kufi dalam mata wang kepada huruf Naskhi, satu perubahan yang besar daripada tradisi mata wang Islami sebelum ini sejak zaman Umawī. Pemerintah Mamlūk ini juga menempa semula mata wang gangsa setelah begitu lama Mesir tidak berbuat demikian (Bacharach, 2001,11; Darley-Doran, 1999). Dalam beberapa syiling *dirham* tempaannya, tulisan pada bahagian hadapan dan belakang mata wang dilingkungi oleh rajah-rajah berbentuk empat segi tepat atau bintang enam (Mitchiner, 1977, 154-159).

Pemerintahan tentera Turki bekas hamba atau Mamlūk di Mesir, dan kemudian di Syria, yang mengganti dinasti Ayyūbī, meneruskan pengeluaran mata wang yang serupa stail dan bentuknya dengan mata wang Ayyūbī. Nama khalifah 'Abbāsi di Baghdad masih ditera pada mata wang, di samping nama pemerintah Mamlūk. Pada peringkat awalnya nama pemerintah Ayyūbī juga dikekalkan, tetapi kemudiannya dibuang. Walau bagaimanapun, apabila Dawlah 'Abbāsiyyah di Baghdad berakhir di tangan tentera Mongol di bawah pimpinan Hulagu pada tahun 656H, peneraan nama khalifah 'Abbāsi pada mata wang Mamlūk dihentikan sehinggalah al-Zāhir Baybars memulihkan semula khilafah 'Abbāsiyyah di Kaherah tiga tahun kemudian (Balog, 1964, 71-93; Darley-Doran, 1999).

## MATA WANG ISLAMI DI LUAR DAWLAH 'ABBĀSIYYAH

Di luar wilayah kekuasaan Dawlah 'Abbāsiyyah terdapat dua sumber mata wang syiling yang berbeza daripada mata wang yang ditempa dalam

wilayah 'Abbāsiyyah. Sumber-sumber ini terdiri daripada Pemerintahan Umawiyah dan beberapa pemerintahan selepasnya di Andalus atau Sepanyol Islami serta Afrika Utara dan Dawlah Fāṭimiyyah di Afrika Utara, kemudian di Mesir dan Syria.

### Andalus dan Afrika Utara

Sebelum penguasaan dinasti 'Abbāsi ke atas dunia Islam mengganti dinasti Umawī di Dimashq, mata wang *dīnār* atau *dirham* yang ditempa di Andalus pada mulanya mengandungi hiasan Byzantium dengan tulisan huruf Latin, yang ditiru daripada mata wang yang ditempa oleh orang Islam di Afrika Utara. Ada di antaranya mengandungi kalimah syahadah, لا إله إلا الله, pada bahagian hadapan dan gambar ikan dihiasi dengan gambar bulan dan bintang di atas dan di bawah pada bahagian belakang. Syiling-syiling seperti ini dikeluarkan sehingga tahun 97H. Setahun kemudian, syiling yang mengandungi dua bahasa pula dikeluarkan sehingga tahun 102H yang melihat pengeluaran *dīnār* Islami yang pertama, diikuti dengan pengeluaran *dirham* Islami yang pertama dua tahun kemudian. Syiling-syiling dwi-bahasa mengandungi kata-kata محمد رسول الله pada bahagian hadapan dan pada birainya ungkapan ضرب هذا الدينير بالاندلس سنة... Pada bahagian belakangnya pula tertera gambar \* dan pada birainya tulisan Latin SLDFRTIN-I-PAINXIIIINI. *Dīnār* Islami pula mengandungi tulisan لا إله إلا الله pada bahagian hadapannya dikelilingi dengan sebahagian ayat 33 surah *al-Tawbah* pada birainya, manakala bahagian belakangnya ditera ضرب هذا الدينير بالاندلس سنة... dikelilingi pada birainya dengan ungkapan بسم الله الرحمن الرحيم. الدينير بالاندلس سنة... Selain daripada syiling satu *dīnār*, Andalus juga mengeluarkan syiling bernilai satu perdua, satu pertiga dan satu perempat *dīnār* (Miles, 1950, 20-21, 87, 113-118).

Selepas tahun 106H, Andalus tidak lagi mengeluarkan mata wang *dīnār* sehinggalah zaman 'Abd al-Raḥmān al-Nāsir pada awal abad ke-4 Hijri. Beberapa kemungkinan telah dikemukakan oleh para sarjana mengenai fenomena ini. Kemungkinan pertama ialah pihak berkuasa membuat keputusan demikian mungkin kerana Andalus mengalami kekurangan logam emas untuk digunakan dalam penempaan *dīnār* dan lombong-lombong emas yang ada, seperti pada zaman sebelum kekuasaan orang Islam, tidak diusahakan sebaiknya. Kemungkinan kedua ialah tindakan tersebut diambil kerana pihak berkuasa di Andalus, atas sebab-sebab undang-undang dan keagamaan, merasakan bahawa mereka tidak

layak dan berhak untuk mengeluarkan mata wang *dīnār*. Hanya pemerintah pusat sahaja yang berhak berbuat demikian. Selepas kejatuhan dinasti Umawī di Dimashq dan penubuhan pemerintahan Umawī di Andalus yang bebas daripada Dawlah ‘Abbāsiyyah, pemerintah Umawī Andalus masih merasakan tidak setanding dengan kuasa baru di timur yang membolehkannya menempa syiling *dīnār*. Kemungkinan lain melibatkan kedudukan ekonomi Andalus yang tertentu sehingga mata wang *dīnār* tidak perlu dikeluarkan (Miles, 1950, 22, 88-89).

Oleh hal yang demikian, *dirham* Islami merupakan mata wang utama Andalus buat beberapa abad sejak tahun 104H. Bentuk dan stailnya serupa dengan syiling perak Islami yang ditempa oleh khalifah Umawī di Syria, Iraq dan Iran dahulu. Walaupun banyak perubahan dibuat pada mata wang ini di sebelah timur dunia Islam semenjak kejatuhan dinasti Umawī, *dirham* Islami di Andalus tidak berubah sehingga akhir abad ke-3 Hijri. Seperti *dirham* Umawī di timur, bahagian hadapan mata wang ditera dengan لاله لا اله الا الله وحده لا شريك له dan bahagian belakangnya ayat-ayat surah *al-Ikhlās*. Bahagian birai depannya pula ditera dengan nama tempat dan tarikh mata wang ditempa, manakala birai bahagian belakangnya ditera dengan ayat 33 surah *al-Tawbah* (Miles, 1950, 29, 117).

Setelah ‘Abd al-Rahmān al-Nāṣir berkuasa dengan memakai gelar khalifah dan mata wang *dīnār* dikeluarkan semula di Andalus, beliau telah membuat beberapa perubahan pada mata wang. Kalimah syahadah pada bahagian hadapan mata wang dilengkapi dengan ungkapan لا شريك له yang terdapat pada *dirham*. Beliau juga telah memasukkan nama pemerintah pada bahagian belakang mata wang. Pada mulanya nama beliau, محمد عبد الرحمن ، أمير المؤمنين ، ditera selepas ungkapan رسول الله. Setahun kemudian – pada tahun 318H – ungkapan syahadah ini telah diletak pada bahagian hadapan mata wang dan bahagian belakangnya diterakan dengan nama beliau yang berbentuk begini: أمير المؤمنين عبد الرحمن الناصر لدين الله . Pada tahun 330H, beliau sekali lagi mengubah protokol nama ini menjadikannya: أمير المؤمنين عبد الرحمن الناصر لدين الله yang ditera dalam tiga baris. Perubahan yang serupa dilakukan kepada mata wang *dirham*. Kemudian, ayat-ayat surah *al-Ikhlās* tidak lagi ditera pada bahagian belakang *dirham*. Bentuk dan stail ini telah diguna pakai oleh pemerintah-pemerintah selepasnya dan tidak ada perubahan kecuali pada protokol nama pemerintah yang ditulis begini: الإمام diikuti dengan nama

khalifah kemudian أمير المؤمنين diikuti gelar khalifah (Miles, 1950, 27-31; Mitchiner, 1977, 88-89).

Kejatuhan dinasti Umawī di Andalus pada awal abad kelima Hijri telah diganti oleh pemerintahan penguasa-penguasa tempatan di pelbagai daerah dan wilayah Andalus, yang di kenali dalam sejarah sebagai *Mulūk al-Tawā'if*. Pada era ini yang berterusan sehingga akhir abad ke-5 Hijri, mata wang yang dikeluarkan keseluruhannya dalam bentuk *dirham* atas nama masing-masing pemerintah, yang kadang-kadang diiringi juga dengan nama-nama khalifah Umawī atau Banū Hammūd (Mitchiner, 1977, 91-92). Di bawah pemerintahan al-Murābitūn selepas itu, Andalus (begitu juga Afrika Utara) didapati mengguna mata wang *dīnār* dan *dirham* yang ditempa oleh pemerintah-pemerintah dinasti ini yang mengakui Dawlah 'Abbāsiyyah di Baghdad. Akan tetapi, mereka tidak menamakan khalifah 'Abbāsī tertentu dalam mata wang yang mereka keluarkan, berpada dengan hanya menera kata-kata: الإمام عبد الله أمير المؤمنين yang kemudiannya ditambah dengan perkataan: العباسي. Pemerintah Murābitūn sendiri menera nama mereka sebagai الأمير yang kemudiannya ditukar kepada أمير المسلمين. Dalam sesetengah keadaan, nama putera mahkota juga ditera pada mata wang (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 96-97).

Perubahan yang agak besar berlaku dalam mata wang bila golongan al-Muwahhidūn mengganti dinasti al-Murābitūn di al-Maghrib dan termasuk juga Andalus pada tahun 540H. Pengasas sebenar dinasti ini, 'Abd al-Mu'min, telah memperkenalkan mata wang dengan stail baru. Mereka mendakwa sebagai penganut aliran Sunnī, tetapi mereka tidak memasukkan nama khalifah 'Abbāsī dalam mata wang yang mereka tempa. Tempat dan tarikh mata wang ditempa juga dibuang, manakala tulisan utama pada bahagian hadapan yang berupa dua kalimah syahadah diletakkan dalam bingkai berbentuk segi empat sama. Dibirai bahagian ini ditera kata-kata بسم الله الرحمن الرحيم صلى الله على محمد وآله الطيبين الطاهرين. Tulisan utama pada bahagian belakang pula mengandungi kata-kata المهدي امام الأمة القائم بأمر الله yang juga dilingkungi bingkai berbentuk segi empat sama, dikelilingi pula pada birainya dengan nama pemerintah, seperti ابو محمد عبد المؤمن بن علي أمير المؤمنين الحمد لله رب العالمين. Selain daripada perubahan-perubahan ini, pemerintah-pemerintah dinasti Muwahhidūn juga memperkenalkan apa yang dinamakan *dīnār* berganda (*double dinar*) yang beratnya kira-kira 4.7 g. dan mata wang *dirham* dalam bentuk segi empat tepat. Perubahan-perubahan ini telah menjadi ikutan beberapa dinasti

yang baru muncul di Afrika Utara selepas itu sehingga abad ke 10 Hijri,<sup>9</sup> malah di Andalus juga seperti dinasti Naṣrī di Granada (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 100-111).

## Dinasti Fāṭimī

Berasal daripada pengikut-pengikut setia aliran Shi‘ah Ismā‘īliyyah, dinasti ini yang mengambil sempena nama puteri Nabi (S.A.S), Fāṭimah, isteri ‘Alī b. Tālib, telah berjaya merebut kuasa di Afrika Utara daripada dinasti Aghālibah yang berpusat di Qayrawān, Tunisia, pada tahun 297H, diikuti dengan penguasaan ke atas al-Maghrib pada tahun 314H. Pada pertengahan abad ke-4 Hijri mereka berjaya menguasai Mesir, Syria serta Hijaz dan memindahkan pusat pemerintahan mereka dari al-Mahdiyyah, yang baru dibina di Tunis, ke Kaherah yang didirikan di Mesir. Dengan itu kekuasaan mereka di Afrika Utara berakhir diganti oleh kuasa lain.

Pada peringkat awal kekuasaan mereka, mata wang yang mereka keluarkan tidak banyak bezanya daripada mata wang ‘Abbāsī zaman awal dengan tulisan huruf Kufinya, kecuali dari segi nama pemerintah atau khalifah. Perubahan yang mendedahkan pegangan mereka mula dibuat dengan perlantikan khalifah ke-4, al-Mu‘izz, pada tahun 431H. Beliau telah menambah pada bahagian hadapan mata wang, di samping kalimah لا إله إلا الله

وعلي بن أبي طالب وصي رسول نائب

ungkapannya: إلا الله وحده لا شريك له . Pada bahagian belakang pula, beliau menera namanya sebagai: عبد الله معد أبو تميم الإمام المعز لدين الله أمير المؤمنين محي سنة محمد سيد المرسلين ووارث مجد الأنمة المهديين

Kemudian, setelah mendapat tindak balas yang kurang menyenangkan daripada rakyat yang kebanyakannya merupakan pengikut aliran Sunnī, beliau menukar teraan namanya kepada bentuk yang lebih sederhana:

دعا الإمام معد لتوحيد الإله الصمد . Khalifah berikutnya telah menukarnya pula kepada ungkapan yang dimulai dengan: عبد الله وليه diikuti dengan *kunyah*, nama peribadi, gelaran khalifah dan kata أمير المؤمنين . Dalam keadaan tertentu, khalifah Fāṭimī juga melantik putera mahkota dan

<sup>9</sup> Pandangan Miles (1999) bahawa perkataan *dīnār* telah lenyap pemakaiannya di sebelah barat dunia Islam sejak abad ke-6 Hijri nampaknya tidak tepat. Mitchiner (1977, 111) menyenarai dan menyalin gambar *dīnār* biasa dan berganda yang dikeluarkan oleh dinasti Banū Wattās di al-Maghtib di antara tahun-tahun 869H dan 910H.

menerakan namanya dalam mata wang diikuti dengan kata **ولي عهد المسلمين** (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 116-119).

Penggunaan kata **المسلمين** mempunyai erti yang tersendiri dari sudut pandangan Ismā'īlī, serupa dengan tambahan yang mereka lakukan pada stail menulis kata-kata hiasan pada mata wang syiling yang mereka tempa. Kata-kata ini ditulis mengikut lingkaran-lingkaran bulatan yang berpusat pada tengah-tengah mata wang. Bulatan tengah ini pada mulanya dibiarkan kosong, tetapi kemudiannya dihiasi dengan teraan tulisan. Lingkaran-lingkaran bulatan ini bukanlah sesuatu yang dibuat begitu sahaja sebagai hiasan, tetapi mempunyai erti yang tertentu. Bulatan tengah melambangkan kebenaran mutlak yang hanya diketahui oleh khalifah Fāṭimī dan imam Ismā'īlī. Lingkaran bulatan luaran pula melambangkan semua orang Islam atau *Muslimūn* sama ada mereka pengikut aliran Ismā'īlī atau tidak, manakala lingkaran bulatan dalaman melambangkan pengikut-pengikut aliran Ismā'īlī yang dianggap sebagai orang beriman yang sebenarnya atau *Mu'minūn* (Bacharach, 2001, 9; Mitchiner, 1977, 116-119). Walaupun dinasti Fāṭimī berakhir pada pertengahan abad ke-6 Hijri, lama sebelum kejatuhan dinasti 'Abbāsī di Baghdad, pengaruhnya dalam bentuk dan stail mata wang boleh dilihat pada beberapa tempaan mata wang yang dibuat pada zaman pemerintahan dinasti Ayyūbi di Mesir dan Syria seperti dijelaskan di atas.

## **MATA WANG ISLAMI SELEPAS KEJATUHAN BAGHDAD**

Dawlah 'Abbāsiyyah di Baghdad berakhir dengan kejatuhan ibu kota yang terkenal itu pada tahun 656H ke bawah kekuasaan orang Mongol yang dipimpin oleh Hulagu, cucu Genghiz Khan. Hulagu, yang masih beragama Shaman, mengasaskan kerajaan dikenali sebagai Ilkhan yang mengakui kekuasaan Empayar Agung Mongol di Mongolia. Pemerintah-pemerintah kerajaan ini kebanyakannya bukan beragama Islam. Hanya pada akhir abad ke-7 Hijri barulah mereka berbuat demikian. Perkembangan mata wang Islami selepas kejatuhan Baghdad dapat dilihat melalui tiga buah kerajaan yang berkuasa pada masa itu, kerajaan Ilkhan di Iran dan Iraq, kerajaan Mamlūk di Mesir dan Syria dan kerajaan 'Uthmīnī di Anatolia dan Balkan.

### **Kerajaan Ilkhan**

Pemerintah-pemerintah Ilkhan telah mengeluarkan mata wang mereka sendiri yang kebanyakannya berupa *dirham*. Mata wang yang mereka

keluarkan masih dihiasi dengan kalimah syahadah pada bahagian hadapannya, tetapi mengandungi nama pemerintah agung Mongol dan pemerintah Ilkhan pada bahagian belakang, semuanya dalam bahasa Arab. Pada peringkat awal, kadang-kadang terdapat juga hiasan berupa binatang seperti singa dan tulisan dalam bahasa Mongol. Setelah pemerintah mereka menganut Islam dan hubungan dengan Empayar Agung Mongol di negeri China terputus, mata wang yang dikeluarkan tidak lagi mengandungi nama Khan Agung. Sebagai gantinya, kata-kata dalam bahasa Mongol yang bererti “Dengan kuasa Allah, mata wang Ghāzān Maḥmūd”, umpamanya, ditera pada bahagian belakang. Semasa pemerintahan penggantinya, Ṭljaytū Muḥammad, pada mulanya nama-nama al-Khulafā’ al-Rāshidūn: Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān dan ‘Alī telah ditera pada mata wang *dirham*, mengelilingi kalimah syahadah.<sup>10</sup> Kemudian, apabila beliau bertukar kepada aliran Shi‘ah, kalimah syahadah yang biasa pada *dirham* telah diganti dengan syahadah Shi‘ah yang dilingkungi pula dengan dua belas nama-nama para imam Shi‘ah. Pada bahagian belakang mata wangnya, Ṭljaytū menera ungkapan: ضرب في دولة المولى السلطان الأعظم مالك رقاب الأمر وغيث الدنيا والدين أولجايتو سلطان محمد خلد اللع ملكه . Akan tetapi, selepas beliau, pemerintah-pemerintah Ilkhan kembali kepada hiasan berbentuk Sunnī dengan mengekalkan nama-nama al-Khulafā’ al-Rāshidūn (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 248-260).

### Kerajaan Mamlūk

Di Mesir dan Syria, seperti telah dinyatakan sebelum ini, tentera Turki bekas hamba telah berkuasa beberapa tahun sebelum kejatuhan Baghdad. Pemerintahan mereka dikenali sebagai pemerintahan Mamlūk, walaupun mereka sendiri tidak mengguna panggilan tersebut. Pada masa dinasti ‘Abbāsi masih ada, mereka mengeluarkan mata wang *dīnār* dan *dirham* atas nama khalifah ‘Abbāsi. Akan tetapi, setelah kejatuhan Baghdad, nama khalifah tidak lagi ditera pada mata wang buat beberapa tahun sehinggalah dinasti ‘Abbāsi dipulihkan semula di Kaherah oleh pemerintah Mamlūk, al-Zāhir Baybars. Sejak itu, mata wang yang ditempa oleh pemerintah Mamlūk sekali lagi mengandungi nama khalifah ‘Abbāsi, di samping nama penguasa Mamlūk. Sesuai dengan zamannya, nama khalifah yang pertama

<sup>10</sup> Sebelum itu, pemerintah dinasti Rasūlī di Yaman pernah berbuat demikian (Darley-Doran, 1999).

ditera pada mata wang Mamlūk berbunyi: الإمام المستنصر بالله أبو القاسم أحمد بن الإمام الظاهر أمير المؤمنين , manakala nama pemerintah Mamlūk pula hanya: الظاهر . Kemudian, nama pemerintah Mamlūk ditera menjadi: بيبرس الصالحى الملك الظاهر ركن الدنيا والدين . Akhirnya, Baybars menerakan namanya sepenuhnya pada mata wang sebagai: الصالحى السلطان الملك الظاهر ركن الدنيا والدين بيبرس قسيم أمير المؤمنين yang menegaskan kedudukannya sebagai *Sultān* yang berkongsi kuasa dengan Khalifah. Pemerintah-pemerintah Mamlūk selepas ini terus mengekalkan penggunaan protokol nama sebagai السلطان الملك<sup>11</sup> dan dipanggil sultan sehinggalah pemerintahan mereka dijatuhkan oleh orang Turki 'Uthmānī pada awal abad ke-10 Hijri. (Balog, 1964, 89-94; Darley-Doran, 1999).

### Kerajaan 'Uthmāniyyah

Berasal daripada orang Turki yang memasuki Anatolia bersama-sama tentera Saljūq pada suku terakhir abad ke-5 Hijri, keluarga 'Uthmānī mula mengorak langkah membangun imarah mereka sendiri di barat Anatolia setelah kejatuhan dinasti 'Abbāsī di Baghdad di tangan tentera Mongol. Mereka menyerang kawasan-kawasan kekuasaan Empayar Byzantium di barat Anatolia dalam kegiatan yang mereka namakan sebagai *ghazi* atau jihad. Pada akhir abad ke-7 Hijri, imarah mereka merupakan sebuah imarah Turki yang terkuat di kawasan yang bersempadan dengan Empayar Byzantium dan pada awal abad ke-8 Hijri mereka telah berjaya menguasai hampir seluruh barat Anatolia dan kemudiannya menyeberang ke Eropah atas permintaan Maharaja Byzantium. Dengan itu mereka memulakan siri gerakan perluasan kuasa mereka di Balkan.

Sejak awal lagi, pemerintah-pemerintah 'Uthmānī mengeluarkan mata wang mereka yang terdiri daripada *akce* yang dibuat daripada perak. Mata wang ini pada awalnya banyak dipengaruhi oleh mata wang Ikhan. Nama-nama al-Khulafā' al-Rāshidūn telah ditera mengelilingi kalimah syahadah. Kemudian, sejak 782H, kalimah syahadah tidak lagi ditera pada mata wang. Pada masa ini juga, mata wang tembaga dikenali sebagai *mangir* telah dikeluarkan. Semua mata wang ini dikeluarkan atas nama mereka

<sup>11</sup> Penggunaan gelar السلطان الملك dan meneranya dalam mata wang bukanlah pertama kali dibuat oleh Baybars. Beberapa tahun sebelum itu, pemerintah dinasti Rasūlī di Yaman telah mengguna gelaran yang sama (Darley-Doran, 1999).

sendiri tanpa menyebut mana-mana kuasa lain mengatasi mereka. Akan tetapi, dalam tempoh kekalutan perang saudara yang dihadapi oleh dinasti ‘Uthmānī selepas mereka dikalahkan oleh Tīmūr Lang, terdapat mata wang ‘Uthmānī yang dibuat atas nama Tīmūr. Pemerintah ‘Uthmānī yang pertama menera perkataan *al-Sultān* dalam mata wang ialah Urkhān yang memakai gelar السلطان الأعظم atau السلطان الأعدل. Akan tetapi, selepas Urkhān, tidak ada pemerintah ‘Uthmani yang menera gelaran itu pada mata wang mereka sehingga zaman Muhammad I. Beliau telah menera gelar tersebut pada mata wang yang ditempanya pada tahun 816H, tetapi beliau segera meninggalkan amalan itu. Gelaran *al-Sultān* hanya diguna semula dalam mata wang oleh Sultan Muhammad II selepas kematian Shāh Rukh, pemerintah dinasti Tīmūr pada tahun 850H. Gelar yang diguna oleh beliau ialah: ضارب النضر سلطان البرين وخاقان البحرين السلطان بن السلطان وصاحب العز والنصر في البر والبحر yang menjadi ikutan para sultan selepasnya buat beberapa abad. Pada tahun 824H, buat pertama kali mata wang ‘Uthmānī ditera dengan *tughra* atau cap mohor Sultan yang kemudiannya menjadi ikutan (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 205-208; Artuk, 1974, 457-463).

Semua mata wang *akçe* ‘Uthmānī sehingga tahun 848H ditempa dengan piawai berat yang sama, iaitu 1.1g. Selepas itu, setiap kali mata wang baru ditempa, beratnya dikurangkan. Walau bagaimanapun, pada tahun 882H, Sultan Muhammad II telah menempa mata wang emas ‘Uthmānī yang pertama, dikenali sebagai *sultānī*, mengikut berat piawai *ducat* yang dikeluarkan oleh Venice, iaitu 3.52 g. Pada era penaklukan semasa Selim I dan Saleymān I, mata wang tempatan seperti *dīnār ashrafi* di Mesir dan syiling emas dinasti Ziyān di al-Maghrib terus diguna pakai di samping *dīnār sultānī*. Pada abad ke 11H, negara menghadapi kemasukan perak berlebihan yang dibawa oleh pedagang-pedagang Eropah yang membeli emas untuk dieksport ke negara mereka. Ini menyebabkan nilai *akçe* jatuh teruk, mendatangkan inflasi serta kesusahan. Masalah ini dapat dilihat daripada bilangan kilang tempat menempa mata wang yang kian berkurangan dan kekurangan penempaan mata wang emas dan dalam pendedaran. Kestabilan politik terganggu dan sultan bertukar ganti dengan cepat, manambahkan lagi krisis ekonomi dan kewangan. Usaha dibuat untuk mengatasi masalah dengan mengeluarkan mata wang yang lebih besar seperti syiling perak bernilai sepuluh *akçe* dan lima *akçe* yang dikenali sebagai *para*. Pada masa ini mata wang tembaga atau *mangir* hampir tidak diguna langsung untuk berjual beli. Pada bahagian kedua abad

ke-11H, boleh dikatakan tidak ada pengeluaran matawang emas dan perak dibuat di Istanbul. Nilai matawang *sultani* yang ada begitu rendah berbanding *ducat* Venice. Di wilayah-wilayah, masih terdapat mata wang emas dikeluarkan dalam kuantiti yang kecil. Hakikatnya, mata wang Eropah telah mengambil alih peranan mata wang 'Uthmāni pada abad ke-11H. Hal ini telah mendorong reformasi kewangan pada awal abad ke-12H, yang melihat pengeluaran syiling emas yang lebar yang boleh ditukar menjadi perhiasan, mata wang perak berukuran besar seperti syiling Eropah bernilai di antara 18.5 hingga 19.7 g., yang dipanggil *zolota*, atau di antara 8.65 hingga 9.85 g., yang dipanggil  $1/2$  *zolota*. Percubaan mengeluarkan *mangir* yang baru nampaknya gagal, walau pun pada mulanya agak berjaya. Percubaan-percubaan lain untuk memperkenalkan syiling emas dan perak baru dengan masing-masing diberi nama *ashrafi* dan *qurūsh* juga tidak berjaya. Hanya pada akhir abad ke-12H, baharulah nampak sedikit kejayaan dalam usaha-usaha memulihkan kewangan negara dengan pengeluaran syiling emas *funduq* dan *zar-I mahbūb* dan syiling perak *qurūsh*. Akan tetapi hal ini tidak berkekalan lama dan menyebabkan perubahan-perubahan yang drastik dengan pengeluaran matawang 'Uthmāni berdasarkan bentuk Eropah terpaksa dibuat pada pertengahan abad ke-13H. Kali ini matawang perak yang diberi nilai 20 *qurūsh majdiyye* ditempa dengan berat sebanyak 24 g. dan matawang emas yang diberi nama *lira* bernilai 100 *qurūsh* ditempa dengan berat sebanyak 7.2 g. Matawang-tersebut terus ditempa dan digunapakai sehingga dinasti 'Uthmāni berakhir pada abad ke-20M (Darley-Doran, 1999; Mitchiner, 1977, 207-212).

## PENUTUP

Dalam tempoh yang begitu lama, mata wang Islami, baik yang ditempa daripada emas, dikenali sebagai *dīnār*, mahupun daripada perak yang dipanggil *dirham*, dan kemudiannya dikenali dengan pelbagai nama lain, mengalami jatuh bangunnya seperti nasib ummat Islam sendiri. Pada satu ketika, *dīnār* Islami merupakan salah satu mata wang utama di dunia zaman pertengahan dan begitu terkenal di Eropah. Mata wang ini menjadi ikutan dan ditiru oleh orang Eropah. Mata wang *dirham* daripada pelbagai dinasti Islam tersebar luas di timur dan di utara Eropah, terutama di Scandinavia, yang menunjukkan permintaan yang tinggi terhadapnya dan kesediaan orang menerimanya sebagai mata wang. Akan tetapi, akhirnya

nama *dīnār* dan *dirham* hanya tinggal kenangan walau pun beberapa buah negara Islam masih lagi memakai nama tersebut untuk mata wang kertas mereka.

Walau bagaimanapun, daripada sorotan yang dibuat di atas, beberapa kesimpulan dapat diambil. Pertama: adalah jelas bahawa penggunaan syiling, baik perak mahupun emas, sebagai mata wang telah dikenali lama sebelum Islam dan tidak bermula dengan orang Islam. Orang Islam zaman awal mengenali mata wang emas sebagai *dīnār*, yang berasal daripada bahasa Greek-Latin, *denarius*, dan mata wang perak sebagai *dirham* yang juga berasal daripada bahasa Greek, *drachm*. Mereka mengguna mata wang-mata wang tersebut dalam urusan niaga mereka, dengan segala gambar dan tulisan yang ditera padanya, tanpa membuat sebarang perubahan, termasuk pada zaman Nabi (s. 'a.w). Kemudian baharulah perubahan-perubahan dibuat pada mata wang sedia ada sehingga akhirnya mereka mengeluarkan apa yang dapat dikenali sebagai mata wang Islami yang pertama dengan corak, bentuk dan stailnya yang tersendiri, malah berat piawainya yang tersendiri juga.

Di samping itu, pada zaman sebelum Islam dan pada zaman Islam, serta berterusan sehingga ke zaman pra-modern, mata wang mempunyai kaitan yang rapat dengan agama. Mata wang-mata wang Greek dan Roman sebelum Kristian penuh dengan lambang-lambang agama seperti teraan gambar-gambar dewa, selain gambar-gambar wira mereka. Selepas Kristian, mata wang-mata wang tersebut dihiasi pula dengan lambang-lambang Kristian, terutama salib yang terdapat pada pakaian maharaja-maharaja atau bahagian-bahagian lain mata wang. Mata wang Parsi pula dihiasi dengan tempat penyembahan api orang Majusi, dan mata wang Yahudi dihiasi dengan *menorah* mereka. Orang Islam juga apabila mengeluarkan mata wang Islami pertamanya, telah memasukkan lambang-lambang Islam seperti kalimah syahadah dan ayat-ayat al-Qur'an yang sesuai dalam bentuk tulisan yang unik kepada peradaban Islam. Bolehlah dikatakan bahawa mata wang, selain daripada kegunaannya memudahkan urusan niaga, berperanan sebagai media dakwah dan propaganda. Dalam pengeluaran mata wang oleh pemerintah-pemerintah Islam sepanjang sejarah ternyata jelas nilai dakwah tersebut dengan perlambangan yang ditera pada mata wang mewakili jati diri mereka yang mengeluarkannya.

Dari awal sejarah mata wang syiling sampai ke zaman moden, pengeluaran mata wang sentiasa berada pada tangan pihak yang berkuasa atau pemerintah setiap negara atau kawasan. Tidak pernah berlaku dalam sejarah mata wang dikeluarkan oleh individu atau orang perseorangan mengikut kehendak sendiri. Mungkin orang memiliki emas yang banyak, tetapi sekiranya dia ingin menjadikan emasnya sebagai mata wang dia terpaksa menghantarkannya ke kilang penempa yang dikendalikan oleh pemerintah dan dikeluarkan atas nama pemerintah dengan piawaian berat yang ditentukan oleh pemerintah.

Akhir sekali, adalah jelas daripada pengalaman masyarakat Islam sendiri, bahawa mata wang dan pengeluarannya berkait rapat dengan keadaan dan kedudukan ekonomi sesebuah negara atau sesuatu pemerintahan, yang tidak dipisahkan daripada keadaan sekeliling, baik secara positif mahupun negatif. Faktor-faktor dalaman seperti pentadbiran yang baik dan politik yang stabil banyak mempengaruhi kejayaan sesuatu mata wang. Begitu juga halnya dengan faktor-faktor luaran seperti perhubungan perdagangan yang seimbang atau perhubungan diplomasi yang saling hormat-menghormati.

## RUJUKAN

- Allan, John and Stern, S. M. 1985. *The new encyclopedia Britannica*. Encyclopedia Britannica, Inc. Chicago. s.v. "Coins and coinage".
- Artuk, Ibrahim. 1974. Early Ottoman coins of Orhan Ghazi. dlm. Dickran K. Kouymjian (Pytn.). *Near Eastern numismatics, iconography, epigraphy and history*. American University of Beirut. Beirut.
- Al-Balādhurī, Aḥmad b. Yahyā. 1987. *Futūḥ al-buldān*. Sunt. 'Abd Allāh Anīs al-Ṭabbā'. Mu'assasat al-Ma'ārif. Beirut.
- Balog, Paul. 1964. *The coinage of Mamlūk sultans of Egypt and Syria*. The American Numismatic Society. New York.
- Breen, W. H. 1985. *The new encyclopedia Britannica*. Encyclopedia Britannica, Inc. Chicago. s.v. "Coins and coinage".
- Darley-Doran, R. E. 1999. *The encyclopedia of Islam CD-ROM edition v.1.0*. s.v. "Othmanli"
- Darley-Doran, R. E. 1999. *The encyclopedia of Islam CD-ROM edition v.1.0*. s.v. "Sikka".
- El-Hibri, Tayeb. 1993. Coinage reform under the 'Abbāsīd caliph al-Ma'mūn. *Journal of the economic and social history of the orient*. Jld. XXXVI. hlm. 58-83.
- Ibn Khaldūn, 'Abd al-Raḥmān. 1993. *al-Muqaddimah*. Al-Dār al-Tūnīsiyyah li al-Nashr. [Tunis].
- Lowick, N. 1990. *Coinage and history of the Islamic world*. Variorum. Aldershort.
- Al-Maqrīzī, Taqīyy al-Dīn. 1998. *Rasā'il al-Maqrīzī*. Sunt. Ramadān al-āadrī dan Aḥmad Muṣṭafā Qāsīm. Dār al-Ḥadīth. Kaherah.
- Miles, G.C. 1999. *The encyclopedia of Islam CD-ROM edition v.1.0*. s.v. "Dīnār".
- Miles, G.C. 1999. *The encyclopedia of Islam CD-ROM edition v.1.0*. s.v. "Dirham".
- Miles, G.C. 1967. *The earliest Arab gold coinage*. Reprinted from the American Numismatic Society Museum Notes 13. hlm. 205 – 229.
- Miles, G. C. 1950. *The coinage of the Umayyad of Spain*. The American Numismatic Society. New York.

Mitchiner, Michael. 1977. *Oriental coins and their values*. Hawkins Publications. London

Teall, John L. 1985. *The new encyclopedia Britannica*. Encyclopedia Britannica, Inc. Chicago. s.v. "Byzantine empire".

*Webster's third new international dictionary*. 1981.